Najib, Tamrin rebut naib ketua Pemuda?

KUALA LUMPUR, Selasa — Kesemua anggota Jawatankuasa Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, kecuali Naib Ketua, Datuk Mokhtar Hashim, dijangka bertanding semula untuk mempertahankan jawatan masing-masing dalam pemilihan pucuk pimpinan pergerakan itu Jun ini.

Kesemua mereka masih berumur di bawah 40 tahun dan oleh itu layak bertanding semula untuk mempertahankan kedudukan masing-masing.

Peraturan membatasakan keanggotaan dalam pergerakan itu, kecuali bagi ketua pergerakan, kepada mereka yang berumur tidak melebihi 40 tahun.

Datuk Mokhtar yang juga Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan akan mencapai usia 40 tahun pada 1 Mei ini dan oleh kerana tarikh kelayakan ialah hari perhimpunan agung diadakan (tahun ini pada 17 Jun) maka beliau hilang kelayakan untuk bertanding semula.

Dengan ini Datuk Mokhtar akan terpaksa menolak pencalonan dari pemuda-pemuda bahagian untuk bertanding semula mempertahankan jawatannya itu.

Beliau setakat ini telahpun dicalonkan oleh Pemuda Bahagian Rantau Panjang, Kelantan.

Kehilangan kelayakan Datuk Mokhtar tidak menjejaskan kedudukan politiknya dalam UMNO kerana beliau sudahpun menduduki Majlis Tertinggi UMNO sebagai anggota dipilih.

Tokoh-tokoh jawatankuasa pergerakan yang akan bertanding semula ialah Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Najib Tun Razak, Encik Tamrin Abdul Ghafar, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Encik Abdul Rahim Datuk Thamby Chik, Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, Encik Hussein Mahmood.

Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri, Encik Ajib Haji Ahmad, Encik Nazri Tan Sri Abdul Aziz Yeop, Setiausaha Politik Perdana Menteri, Megat Junid Megat Ayub, Encik Mazlan Harun, Setiausaha Politik Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah Haji Khalid Yunus dan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Shahrir Abdul Samad.

Datuk Najib dan Encik Tamrin, berdasarkan prestasi mereka dalam pemilihan tahun 1980 lalu, besar kemungkinan akan mencuba nasib untuk merebut jawatan naib ketua yang akan dikosongkan oleh Datuk Mokhtar.

K. dua mereka adalah tokoh pemuda yang popular dan berpengaruh dan mendapat bilangan undi yang sama iaitu 372 undi dalam pemilihan tahun 1980.

Pertarungan

Datuk Najib memegang portfolio ekonomi dan peniaga kecil dalam Pergerakan Pemuda manakala Encik Tamrin selain dari menjadi Pengerusi Biro Perumahan dan Pembinaan juga menjadi pengasas dan Presiden Persatuan Pembeli-pembeli Rumah Humiputera Malaysia yang mempunyai cawangan di seluruh Semenanjung.

Kedua tokoh itu adalah pemimpin-pemimpin yang hebat dan jika mereka menerima pencalonan untuk merebut jawatan tersebut, perhimpunan pemuda kali ini akan dapat menyaksikan satu pertarungan yang menarik.

Sumber-sumber UMNO bagaimanapun berpendapat, bagi mewujudkan perpaduan dan bagi mengelakkan timbulnya masalah kem di kalangan anggota ada kemungkinan Encik Tamrin menolak pencalonan untuk merebut jawatan tersebut.

Kedudukan Ketua Pergerakan, Datuk Haji Suhaimi Datuk Kamaruddin sama ada akan ditentang oleh calon-calon lain masih belum diketahui.

Terdapat spekulasi minggu lalu tentang kemungkinan tiga orang tokoh akan bertanding menentang beliau. Tokoh-tokoh tersebut ialah Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Rais Yatim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Badawi dan bekas Menteri Besar Pahang, Haji Abdul Rahim Bakar — bagaimanapun masih belum memberikan sebarang kepastian politik. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia